

## Penjawat awam benteng utama atasi kekeliruan harga bahan api

• Penjawat awam tidak perlu jadi 'jurucakap politik' untuk pertahankan Perdana Menteri, menteri atau kerajaan. Sebaliknya, mereka perlu menjelaskan fakta sebenar kepada rakyat

• Rakyat perlu disediakan dengan maklumat betul mulai sekarang. Jika tidak, setiap kali berlaku kenaikan harga, masyarakat terus salahkan kerajaan tanpa fahami faktor sebenar



Oleh Prof Dr Rusdi Omar  
bhrencana@bh.com.my

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan Malaysia semalam menjadi peringatan besar negara kini berdepan krisis tenaga dan ketidakpastian global memerlukan rakyat memahami realiti sebenar, bukan dipengaruhi dakwaan separuh benar, sentimen politik atau kenyataan tidak berasaskan fakta.

Dalam suasana harga minyak meningkat, kos sara hidup terus menekan dan konflik Asia Barat masih berlarutan, Perdana Menteri menegaskan peranan penjawat awam hari ini bukan sekadar melaksanakan dasar, tetapi turut menjadi penyampai maklumat jujur, tepat dan bertanggungjawab.

Penegasan ini hadir tepat pada masanya. Dalam era media sosial dan penyebaran maklumat pantas, rakyat mudah dipengaruhi kenyataan ringkas, tetapi mengelirukan. Ada pihak mendakwa harga minyak hanya naik di Malaysia.

Dakwa seperti ini sebagai dangkal kerana ia mengabaikan hakikat kenaikan harga minyak sedang berlaku pada peringkat global akibat perang, gangguan laluan perdagangan dan peningkatan kos logistik.

Apa yang menarik, Perdana Menteri tidak menolak hak mana-mana pihak mengkritik kerajaan. Sebaliknya, beliau mengingatkan setiap kritikan mesti berpaksikan fakta. Ini prinsip penting dalam demokrasi, iaitu kebebasan bersuara perlu disertai tanggungjawab terhadap kebenaran.

Penjelasan mengenai mengapa harga minyak meningkat paling penting. Ditegaskan bahawa isu ini bukan berkaitan bekalan minyak semata-mata atau kapal Malaysia dapat melalui Selat Hormuz dekat Iran.

Walaupun laluan dibuka, kos minyak tetap meningkat kerana premium insurans melonjak melebihi 100 peratus, manakala kos penghantaran dan logistik meningkat dengan mendadak.

Ini bermakna minyak sebelum ini dibeli pada harga lebih rendah kini tiba di Malaysia dengan kos jauh lebih tinggi.

Ringkasnya, harga minyak tidak hanya ditentukan berapa banyak minyak yang ada. Ia turut dipengaruhi beberapa faktor lain seperti risiko perang dan keselamatan laluan perdagangan, premium insurans kapal dan kargo, kos pengangkutan dan penghantaran, gangguan operasi gas dan minyak di Asia Barat serta ketidakpastian pasaran dunia.

Inilah gagal difahami sesetengah pihak yang terus membuat kesimpulan mudah 'harga minyak naik hanya di Malaysia'. Hakikatnya, banyak negara lain berdepan situasi lebih buruk.

Terdapat negara jiran menyaksikan stesen minyak ditutup, bekalan terhad dan rakyat terpaksa beratur panjang untuk mendapatkan bahan api. Malaysia pula masih berjaya mengekalkan keadaan lebih stabil, walaupun berdepan tekanan sama.

Di sinilah pentingnya peranan penjawat awam. Penjawat awam tidak perlu menjadi 'jurucakap politik' untuk mempertahankan Perdana Menteri, menteri atau kerajaan.

Sebaliknya, mereka perlu menjelaskan fakta sebenar kepada rakyat. Jika terdapat kelemahan, mereka perlu berani menyuarakannya dengan tujuan memperbaiki keadaan.

Pendekatan ini amat penting kerana penjawat awam kelompok paling hampir dengan rakyat. Mereka wajah kerajaan ditemui rakyat setiap hari. Jika mereka sendiri tidak memahami fakta sebenar, maka ruang akan diisi fitnah, teori konspirasi dan sentimen politik.

### Sikap proaktif penjawat awam penting

Yang turut menarik ialah kritikan ke atas budaya 'half-truth turn absolute', iaitu keadaan apabila seseorang mengambil sedikit fakta yang benar lalu menjadikannya seolah-olah benar semuanya.

Contohnya, memang benar kapal Malaysia tidak disekat di Selat Hormuz, tetapi itu bukan bermakna kos minyak tidak akan meningkat.

Ada perbezaan besar antara 'laluan kapal dibuka' dengan 'kos minyak kekal murah'. Banyak pihak gagal membezakan kedua-dua perkara ini, lalu menghasilkan naratif mengelirukan rakyat.

Satu lagi aspek penting ucapan Perdana Menteri ialah mengenai mesej besar budaya pentadbiran

negara. Beliau menggesa supaya mesyuarat dan perjumpaan jabatan tidak menjadi sesi arahan sehalai daripada pihak atasan semata-mata.

Sebaliknya, pegawai pada peringkat bawah perlu diberi ruang memberi pandangan dan berkongsi masalah sebenar di lapangan. Ini penting kerana penyelesaian berkesan selalunya datang daripada mereka yang paling dekat dengan rakyat dan paling memahami realiti semasa.

Dalam konteks krisis tenaga, sikap proaktif penjawat awam amat penting kerana cabaran ini dijangka berlarutan. Mengikut Perdana Menteri, makluman Emir Qatar kerosakan kepada operasi gas akibat konflik semasa mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hingga lima tahun untuk dipulihkan sepenuhnya.

Ini bermakna tekanan terhadap harga minyak, tenaga dan kos sara hidup mungkin tidak akan hilang dalam masa terdekat.

Oleh itu, rakyat perlu disediakan dengan maklumat betul mulai sekarang. Jika tidak, setiap kali berlaku kenaikan harga, masyarakat akan terus menyalahkan kerajaan tanpa memahami faktor sebenar. Lebih membimbangkan, keadaan ini boleh mewujudkan rasa marah, hilang keyakinan dan ketegangan sosial.

Penjawat awam proaktif menyampaikan fakta sebenarnya membantu negara dalam tiga perkara utama. Pertama, mereka membina keyakinan rakyat terhadap institusi kerajaan. Kedua, mereka menghalang penyebaran maklumat palsu dan propaganda. Ketiga, mereka membantu rakyat membuat keputusan lebih rasional dan tidak dipengaruhi emosi semata-mata.

Pada zaman penuh maklumat, cabaran terbesar kepada kita bukan lagi masalah kekurangan maklumat, tetapi masalah kewujudan lambakan maklumat salah.

Sebab itu negara memerlukan penjawat awam bukan sahaja cekap bekerja, tetapi mampu menjadi sumber rujukan dipercayai.

Dalam hal ini, penjawat awam diharapkan bukan sekadar menjadi pelaksana dasar seperti biasa difahami, tetapi turut berfungsi sebagai benteng pertama mempertahankan kebenaran daripada ditenggelami kekeliruan.

